

KEMAHIRAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH TERHADAP AMALAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH (PBD)

[SKILLS OF PRIMARY SCHOOL ISLAMIC EDUCATION TEACHERS REGARDING CLASSROOM ASSESSMENT PRACTICES (PBD)]

NOR ZAITULAKMAR MUDA @ A GHANI^{1*} & KHADIJAH ABDUL RAZAK¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Corespondent Email: P113314@siswa.ukm.edu.my

Received: 20 March 2023

Accepted: 11 April 2023

Published: 20 April 2023

Abstrak: Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) adalah pentaksiran secara berterusan yang dilaksanakan bagi tujuan meningkatkan penguasaan murid terhadap isi kandungan pelajaran dan dalam masa yang sama menambah baik pengajaran guru. Justeru, pelaksanaan PBD ini melihat kepada aspek kesediaan guru sebagai tonggak utama. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kemahiran Guru Pendidikan Islam (GPI) sekolah rendah terhadap pelaksanaan PBD. Kajian ini juga turut mengkaji perbezaan tahap kemahiran GPI berdasarkan jantina dan pengalaman mengajar terhadap perlaksanaan PBD ini. Seramai 250 daripada 675 guru Pendidikan Islam di daerah Seremban, Negeri Sembilan terlibat sebagai sampel kajian. Kajian kuantitatif ini menerusi kaedah tinjauan menggunakan instrumen soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan perisian IBM Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 28.0. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa kesediaan GPI dari aspek kemahiran dalam melaksanakan PBD berada pada tahap sederhana tinggi ($\text{min}=3.94$, $\text{sp}=0.38$). Ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kemahiran guru berdasarkan jantina dengan nilai $p=0.47$ ($p>0.05$). Analisis Anova Satu Hala pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tahap kemahiran guru berdasarkan pengalaman mengajar ($f=13.45$, $\text{sig}=0.03$). Implikasi kajian menunjukkan kejayaan pelaksanaan PBD sememangnya bergantung kepada keupayaan dan kesediaan guru. Justeru, GPI perlulah berusaha meningkatkan kesediaan dari aspek kemahiran bagi memastikan proses pentaksiran ini dapat dilaksanakan secara terancang dan holistik.

Kata Kunci: Kemahiran Guru, Guru Pendidikan Islam, Pentaksiran Bilik Darjah (PBD).

Abstract: Classroom Assessment (PBD) is a continuous assessment that is carried out for the purpose of increasing students' mastery of the lesson content and at the same time improving the teacher's teaching. Therefore, the implementation of this PBD looks at the aspect of teacher readiness as the main pillar. In relation to that, this study was conducted to identify the level of readiness of primary school Islamic Education teachers (GPI) from the skill aspect to the implementation of PBD. This study also examined the differences in levels readiness from the aspect of GPI skills based on gender and teaching experience towards the implementation of this PBD. A total of 250 out of 675 Islamic Education teachers in Seremban district, Negeri Sembilan were involved in this study. This study uses a quantitative research method through a survey method through the use of questionnaire instruments and analyzed using IBM Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 28.0 software. Data were analyzed

using descriptive statistics and inferential statistics. The findings of the study show that the readiness of GPI from the aspect of skills in implementing PBD is at a moderately high level (mean=3.94, sp=0.38). The t-test shows that there is no significant difference in the level of teacher skills based on gender with a p-value of 0.47 ($p>0.05$). One-way Anova analysis shows that there is a significant difference in the level of teacher skills based on teaching experience ($f=13.45$, sig=0.03). The implications of the study show that the success of PBD implementation really depends on the ability and willingness of teachers. Therefore, GPI must strive to improve readiness in terms of skills to ensure that this assessment process can be implemented in a planned and holistic manner.

Keywords: Teacher Skills, Islamic Education Teachers, Classroom Assessment (PBD).

Cite This Article:

Nor Zaitulakmar Muda @ A Ghani & Khadijah Abdul Razak. (2023). Kemahiran Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Terhadap Amalan Pentaksiran Bilik Darjah (Pbd) [Skills of Primary School Islamic Education Teachers Regarding Classroom Assessment Practices (Pbd)]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 3(2): 1-17.

PENDAHULUAN

Pelaksanaan pentaksiran bilik darjah (PBD) di peringkat sekolah merupakan satu bentuk pentaksiran yang berterusan bertujuan memberi peluang kepada guru dalam usaha memperolehi maklumat mengenai tahap perkembangan serta kemajuan murid terhadap penguasaan isi kandungan pelajaran semasa proses pengajaran oleh guru dalam bilik darjah. Penilaian menerusi pentaksiran ini diharapkan mematuhi setiap garis panduan yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) merangkumi standard kandungan dan juga standard pembelajaran bagi semua mata pelajaran termasuk mata pelajaran Pendidikan Islam (KPM, 2018). Penilaian yang dilaksanakan sewaktu sesi PdP atau sebaik sahaja PdP selesai dilaksanakan menerusi gabungan pentaksiran secara formatif dan sumatif dilihat sebagai satu agenda utama oleh KPM dalam usaha memastikan perkembangan murid berlaku secara bersepada dan terancang merangkumi semua aspek (KPM, 2018). Pelaksanaan PBD secara berterusan menerusi pengajaran dan pembelajaran (PdP) diharapkan dapat dipertingkatkan, diperkasakan dan dibudayakan dalam kalangan guru sebagai satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan telus dan adil. Melalui pelaksanaan PBD ini juga, ianya dipercayai berupaya memberi satu anjakan baru terhadap corak pendidikan yang bukan lagi berpusatkan peperiksaan semata (KPM, 2018).

Usaha dan dasar KPM dalam pemansuhan peperiksaan pertengahan dan akhir tahun terhadap murid Tahap 1 di sekolah rendah memerlukan kepada pendekatan pentaksiran yang lebih fleksibel, holistik, autentik dan telus oleh guru sebagai agen pelaksana utama (Halimah & Mohd Isa, 2021). Justeru, guru-guru perlu mengambil inisiatif dan bertindak proaktif dalam usaha meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan amalan terhadap pelaksanaan PBD ini agar mampu memberi impak yang positif dan seterusnya menyumbang kepada pendidikan yang lebih berkualiti (Biesta 2015; Sh. Siti Hauzimah 2019). Pentaksiran dalam sistem pendidikan telah

banyak dipraktikkan dan diamalkan oleh negara-negara luar seperti Kanada, Korea Selatan dan Amerika Syarikat semenjak dahulu lagi (Halimah Jamil & Rozita Rodhiah, 2019). Walaupun begitu, kajian lepas mendapat sebahagian guru masih kurang memahami terhadap keperluan dan matlamat pelaksanaan PBD ini. Menurut Fakhri dan Mohd Isa Hamzah (2016), terdapat guru yang masih tidak jelas tentang konsep pentaksiran serta proses dalam melaksanakan penilaian menerusi pentaksiran murid dalam bilik darjah disebabkan tidak memiliki pengetahuan dan kemahiran sebenar mengenai PBD.

TINJAUAN LITERATUR

Guru merupakan golongan perantara dan pelaksana setiap dasar dan usaha KPM semestinya menyambut baik terhadap apa jua langkah dan pembaharuan yang dirancang. Justeru itu, menerusi pelaksanaan PBD ini, kesediaan guru dalam usaha melaksanakan penilaian menerusi Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dilihat sebagai tunjang utama dalam usaha menjamin keberkesanan dan kejayaan sepenuhnya pentaksiran murid sebagaimana harapan dan juga hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak PBD ini diperkenalkan (KPM, 2018). Guru turut digesa untuk sama-sama bertindak memperkasakan dan membudayakan penilaian murid menerusi pentaksiran ini bagi memastikan perkembangan dan kemajuan murid dapat dicapai dan dalam masa yang sama menambahbaik pengajaran guru dalam bilik darjah. Pelaksanaan sepenuhnya PBD ini dilihat sebagai satu usaha bagi menggantikan pentaksiran sumatif sepenuhnya terutamanya bagi murid tahap satu. Kini, KPM mula mengambil langkah dengan mewujudkan Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) bagi murid tahap dua sebagai satu langkah memperkasakan penilaian menerusi penguasaan murid terhadap kandungan isi pelajaran semasa proses PdP dalam bilik darjah (KPM, 2022). Namun, pelaksanaan PBD masih lagi terus diperkasakan bagi memastikan penilaian secara holistik dan bersepadan dapat dilakukan oleh guru.

Justeru itu, kemahiran guru dilihat sebagai faktor utama berkaitan kejayaan terhadap pelaksanaan pentaksiran bilik darjah selain daripada faktor pengetahuan dan juga amalan guru. Ini kerana kajian mendapat masih terdapat golongan guru yang dilihat masih belum bersedia sepenuhnya, kabur, keliru serta ragu-ragu untuk melakukan penilaian murid menerusi pentaksiran ini (Aniza, 2014). Pelaksanaan pentaksiran juga didapati dilakukan secara berasingan semasa proses pengajaran. Situasi ini akan menyukarkan guru untuk mendapatkan maklumat awal sama ada objektif pengajaran yang dirancang tercapai atau tidak (Salwa, 2016). Kajian juga mendapati, guru yang kurang mahir akan membawa impak besar terhadap kegagalan pelaksanaan PBD ini kerana tidak bersedia untuk melakukan sebarang perubahan, apatah lagi dalam usaha menghadapi dan menerima perubahan tersebut (Senin & Asri, 2019). Mereka akan mula merasa terbeban dan impaknya akan membawa kepada penilaian yang tidak adil dan telus (Ali & Veloo, 2017). Kajian oleh Nur hanani dan Abd Halim (2019) mendapati, kesan daripada kurangnya kemahiran dalam kalangan guru, guru didapati gemar memilih melaksanakan PdP secara sehala dan komunikasi juga turut sehala. Justeru, keadaan ini akan

mengakibatkan proses pentaksiran sukar dilaksanakan dengan terancang kesan daripada proses transformasi ilmu oleh guru terhadap murid tidak berlaku secara berkesan.

Guru Pendidikan Islam (GPI) juga dilihat kurang kompeten dalam memikul tuntutan tugas menjalankan pentaksiran PBD ini. Mereka memilih untuk mengamalkan pedagogi berpusatkan guru dan kebergantungan sepenuhnya terhadap buku teks dan papan tulis. Justeru, GPI perlu dibimbang agar PBD yang dilaksanakan tidak lagi kembali kepada berorientasikan peperiksaan semata (Rosnani, 2022). Guru juga dilihat mengambil masa yang agak lama untuk mengetahui serta memahami prinsip-prinsip yang terkandung dalam PBD dan implikasinya terhadap proses PdP kesan daripada tidak memiliki kemahiran yang sebenar (Tan & Azlin, 2020). Kajian turut mendapati guru dilihat masih kabur dalam teknik melaksanakan penilaian terhadap perkembangan dan kemajuan murid dalam bilik darjah dan situasi ini akan memberi kesan negatif terhadap pelaksanaan proses pentaksiran murid secara menyeluruh (Fakhri & Mohd Isa Hamzah, 2016). Apa yang lebih merisaukan, guru juga tidak yakin dalam memasukkan pelbagai sumber semasa proses pembelajaran (Kaviza et al. 2018; Adibah 2019) yang menyebabkan suasana pembelajaran hambar dan membosankan..

PENYATAAN MASALAH

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), semakan 2017 telah diperkenalkan oleh KPM sebagai satu usaha menghasilkan satu bentuk penilaian menerusi pentaksiran pada peringkat sekolah yang lebih kompeten, sudah tentu memerlukan kepada kesediaan guru sebagai pelaksana utama. Justeru, guru dituntut untuk memberikan kerjasama yang tidak berbelah bagi dengan meningkatkan kesediaan sama ada dari aspek pengetahuan, kemahiran serta amalan terhadap pelaksanaan PBD ini. Guru sewajarnya kreatif dan proaktif semasa melakukan proses transformasi ilmu menerusi PdP dalam bilik darjah. Pemilihan pedagogi dan kaedah mentaksir perlulah sesuai dengan latar belakang dan tahap penguasaan murid agar guru berjaya mendapatkan maklumat dan tindak balas hasil pelaksanaan pembelajaran (Sh. Hauzimah 2019; KPM 2018). Bermula penghujung tahun 2019, penilaian murid menerusi pentaksiran telah dilaksanakan sepenuhnya bagi murid Tahap 1 di sekolah rendah bagi menggantikan pemasuhan peperiksaan sepenuhnya. Situasi ini melihat kepada pelaksanaan PBD yang cukup penting sebagai medan untuk mengetahui penguasaan murid dalam pembelajaran. Di samping itu juga, peranan guru sebagai golongan perantara yang akan mengupayakan proses PdP yang berkesan perlu diberi perhatian sewajarnya (KPM 2018; KPM 2019).

Namun, terdapat isu yang melihat sejauh mana tahap kesediaan guru terutama dari aspek kemahiran menjalankan tanggungjawab melaksanakan PBD ini. Kajian oleh Aniza (2014) menunjukkan penguasaan kemahiran yang tinggi dalam kalangan guru seperti guru Pendidikan Islam sangat diperlukan bagi memastikan proses pentaksiran berjalan lancar. Kajian oleh Kalai (2020) juga mendapati guru tidak berupaya untuk melakukan pentaksiran bagi menilai perkembangan dan kemajuan murid secara konsisten dan berterusan kerana tidak memiliki kemahiran yang sebenar. Dapatan ini turut selari dengan kajian oleh Sh. Hauzimah (2019), di mana guru yang tidak memiliki kemahiran akan merasa terbeban dan sukar melaksanakan

pentaksiran secara berterusan. Apa yang merisaukan ialah, perkara ini akan menjurus kepada hasil penilaian murid yang bias, tidak adil dan pelbagai serta tidak memenuhi garis panduan seperti mana yang telah ditetapkan menerusi DSKP (Ali & Veloo, 2017). Selain itu, masih terdapat juga guru mata pelajaran dan guru Pendidikan Islam yang belum bersedia serta keliru untuk melaksanakan PBD sepenuhnya kerana tidak memiliki kemahiran mentaksir perkembangan dan kemajuan murid (Artika & Hasmadi, 2019).

Sebenarnya isu GPI kurang berupaya melaksanakan pentaksiran telah mendapat perhatian semenjak pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dilaksanakan bermula 2011 hingga PBD pada tahun 2018 (Hashimah 2019; Mohd Yusoff 2016; Rosnani et al. 2013; Kamarul 2011). Walaupun PBD bukan lagi dianggap sebagai satu konsep yang baharu di Malaysia, akan tetapi masih terdapat sebilangan guru yang melaksanakan pentaksiran berpusatkan peperiksaan. Mereka tidak dapat memisahkan pentaksiran dengan penilaian berdasarkan pen dan kertas (Osman & Mohd Saat, 2014; Zamri Mahamod et al. 2016). Mereka didapati tidak tahu dan tidak mahir untuk menggabungkan pentaksiran dalam PdP harian. Justeru, masih terdapat peluang dalam usaha menambah baik pelaksanaan pentaksiran ini (Ravikumar Varatharaj, 2015). Guru mesti bijak menggabungjalin pentaksiran dengan peperiksaan. Di samping itu, GPI diseru agar bersikap lebih terbuka, proaktif dan mahir menguasai pendidikan digital sebagai pemangkin agar dapat menghasilkan pentaksiran menerusi pendidikan yang cemerlang dan berkualiti (Mohd Faiz Mohd Baharan, 2022).

Guru yang memiliki kemahiran yang rendah juga dilihat kurang bersedia dan tidak tahu serta keliru untuk memberi peluang kepada murid mengemukakan idea dan pendapat atau berkongsi pandangan mengenai isi kandungan yang disampaikan oleh guru dalam bilik darjah (Fakhri Abdul Khalil & Mohd Isha Awang, 2016). Perkara ini turut memberi impak negatif terhadap guru di mana guru yang kurang berkemahiran juga didapati tidak dapat merancang dan melaksanakan pedagogi yang bersesuaian sebagai usaha memastikan murid berjaya menguasai setiap kemahiran yang diajar dan ditunjukkan dalam bilik darjah. Hal ini akan membawa kepada pemberian markah yang tidak adil dan tidak sah (Arsaythamby Veloo et.al, 2015). Situasi ini turut dipengaruhi oleh guru yang memiliki pengetahuan yang cetek serta kemahiran yang rendah khususnya dalam kalangan guru yang mengajar subjek yang bukan opsyen. Kajian oleh Ali dan Veloo (2017) mendapati, pentaksiran oleh guru boleh menjadi bias dan tidak adil apabila guru kurang mahir kesan daripada kurang mengikuti latihan berkaitan bentuk serta kandungan pentaksiran.

Apa yang lebih membimbangkan lagi, masih terdapat guru yang melaksanakan pengajaran secara tradisional dengan berpusatkan guru semata-mata. Komunikasi hanya berlaku antara guru sahaja tanpa melibatkan komunikasi dan lontaran idea serta pandangan murid (Noor Shamshinar et.al, 2019). Situasi ini akan menyebabkan murid mula hilang tumpuan terhadap penyampaian isi kandungan pengajaran semasa pelaksanaan PdP oleh guru. Guru juga didapati tidak berjaya menyediakan dan melaksanakan aktiviti yang sesuai mengikut keupayaan murid dan perkara ini sudah tentu membawa kepada kurangnya sambutan dan minat serta perhatian murid terhadap PdP oleh guru (KPM, 2013). Keadaan ini sudah tentu menyukarkan guru melaksanakan pentaksiran kerana guru tidak mengetahui penguasaan murid

tersebut semasa proses PdP berjalan. Dapatan kajian oleh Tan Swee Kin dan Azlin Norhaini (2020), guru dilihat kurang berkeyakinan dalam melaksanakan pentaksiran kerana kurangnya kemahiran dan pengetahuan. Justeru, situasi ini menyukarkan guru dalam usaha mengenal pasti kebolehan, penguasaan, bakat serta kemahiran murid bagi tujuan menilai perkembangan dan kemajuan murid dalam bilik darjah. Segala usaha yang dilakukan oleh guru sama ada menentukan objektif pembelajaran yang hendak dicapai dan merancang serta membina instrumen mengikut keupayaan murid akan mengalami kegagalan. Guru juga akan mengalami banyak kesukaran lain seperti kekeliruan dalam melaksanakan penilaian yang tepat, perekodan terhadap hasil usaha murid yang tidak adil, menganalisis semua maklumat berkaitan pencapaian murid dengan tidak tersusun dan kesilapan dalam melapor serta kegagalan melaksanakan tindakan susulan terhadap murid yang berkeperluan.

Sehubungan itu, kesediaan dari aspek kemahiran yang dimiliki oleh guru akan dapat memastikan kejayaan terhadap pencapaian objektif pengajaran dan pembelajaran guru dalam bilik darjah di samping dapat mengungkapkan kemahiran dan bakat murid dalam kurikulum (Ahmad & Mahamod, 2016). Menerusi penilaian yang dilakukan oleh guru secara sistematik juga, turut dapat meningkatkan usaha guru mengesan kelemahan murid dalam bilik darjah terhadap penguasaan isi kandungan yang disampaikan (Siti NorAisah Mokhtar, Zaliza Hanapi, Tee, Suriani Mohamed & Ridzwan Che Rus, 2018). Keupayaan guru dari aspek pengetahuan dan juga kemahiran dilihat sangat penting dalam melaksanakan segala dasar baharu dalam pendidikan terutama selepas pemansuhan sepenuhnya peperiksaan bagi Tahap 1 di sekolah rendah. Justeru, penambahbaikan terhadap keperluan pengetahuan dan kemahiran guru dalam pelaksanaan pentaksiran ini sangat perlu bagi memperkasakan keberkesanan pengajaran dan pentaksiran seorang guru (Mazarul et al., 2020).

Masalah mengenai keupayaan guru terhadap pelaksanaan dokumen kurikulum baharu juga dilihat masih berada pada tahap kurang memuaskan kerana terdapat sebilangan guru yang masih belum benar-benar bersedia dan masih kabur serta keliru terhadap pelaksanaan penilaian menerusi pentaksiran sepenuhnya dalam KSSR (Artika & Hasmadi, 2019; Sh. Hauzimah 2019). Kajian ini juga turut mendapati perubahan pelaksanaan PBD merupakan isu utama dalam pelaksanaan oleh guru terutama GPI Tahap satu. Selain itu, aspek kemenjadian murid turut menjadi agenda utama transformasi pendidikan ini melalui proses mentaksir perkembangan murid dalam PdP yang dijalankan oleh guru (Julian@ Julian et al., 2020). Sehubungan itu, perkara ini sudah tentu memerlukan kepada pelaksanaan pentaksiran yang mampan oleh guru seiring dengan agenda yang digariskan ini, melalui kepelbagaiannya strategi pentaksiran yang memerlukan kepada pengetahuan dan kemahiran yang semaksima mungkin bagi memastikan usaha ini mencapai matlamat yang diharatkannya. Justeru, daripada isu dan permasalahan yang dinyatakan ini, telah berjaya mendorong pengkaji bagi melakukan kajian dengan lebih terperinci mengenai tahap kesediaan guru dalam melaksanakan PBD dari aspek kemahiran guru amnya dan guru Pendidikan Islam khususnya dalam usaha menambahbaik tugas guru bagi memastikan pentaksiran yang dilakukan menepati piawaian dan standard yang ditetapkan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk:

1. Mengenal pasti tahap kemahiran guru pendidikan Islam terhadap amalan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) murid sekolah rendah di daerah Seremban.
2. Mengetahui perbezaan tahap kemahiran guru pendidikan Islam terhadap amalan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) berdasarkan jantina dan pengalaman mengajar.

METODOLOGI

Bagi melaksanakan kajian ini, reka bentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan (survey) telah menjadi pilihan pengkaji melalui penggunaan instrumen borang soal selidik. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A yang mengandungi soalan mengenai demografi guru dari segi jantina dan pengalaman mengajar, manakala bahagian B mengandungi 20 item soalan mengenai kemahiran guru dalam melaksanakan PBD yang telah diadaptasi daripada kajian terdahulu oleh Sh. Hauzimah (2019) dan Abdul Said et al., (2021). Kajian ini melibatkan 250 orang guru Pendidikan Islam sekolah rendah di daerah Seremban sebagai sampel kajian. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi menerusi perisian IBM Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 28.0. Menerusi statistik deskriptif, kekerapan, peratus, dan sisihan piawai diperolehi bagi mengenal pasti tahap kemahiran guru terhadap pelaksanaan PBD ini. Analisis statisitik inferensi menggunakan ujian-t tidak bersandar dilakukan bagi mengenal pasti perbezaan tahap kemahiran berdasarkan jantina manakala analisis ANOVA Satu Hala pula dilakukan bertujuan mengenal pasti perbezaan tahap kemahiran guru berdasarkan pengalaman mengajar.

DAPATAN KAJIAN

Menerusi kajian ini, dapatan yang diperoleh adalah merujuk kepada maklum balas terhadap borang soal selidik yang melibatkan 250 responden yang dipilih daripada 675 orang guru pendidikan Islam sekolah rendah di daerah Seremban, Negeri Sembilan.

ANALISIS KAJIAN

1. Apakah tahap kemahiran Guru Pendidikan Islam terhadap amalan pelaksanaan PBD murid sekolah rendah di daerah Seremban?

Pengkaji telah menggunakan statisitik deskriptif bagi tujuan mengenal pasti tahap kemahiran guru terhadap amalan pelaksanaan PBD murid sekolah rendah di daerah Seremban bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Jadual 1 menunjukkan keputusan analisis skor min mengenai tahap

kemahiran guru pendidikan Islam sekolah rendah di daerah Seremban terhadap amalan pelaksanaan PBD ini. Hasil analisis deskriptif yang dilakukan, skor min menunjukkan tahap kemahiran guru berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min = 3.94 (sp = 0.38) berdasarkan kepada interpretasi skor min yang telah dicadangkan oleh Nunally (1978). Dapatkan kajian mendapati antara 20 item di bawah boleh ubah kemahiran berada pada tahap tinggi iaitu, item mahir menggunakan kaedah lisan dalam melaksanakan PBD semasa mengajar Pendidikan Islam (min = 4.07 dan sp = 0.51). Item kedua yang mencatat skor min tertinggi ialah; guru mahir menggunakan kaedah pemerhatian bagi melaksanakan PBD mata pelajaran Pendidikan Islam (min=4.06, sp = 0.46) termasuk item guru mahir melaksanakan pentaksiran secara bertulis bagi menilai PBD murid dengan catatan skor (min = 4.06, sp =0.51). Situasi ini menunjukkan guru Pendidikan Islam memiliki kemahiran yang tinggi dalam mempelbagaikan kaedah dan strategi bagi melaksanakan pentaksiran murid yang memiliki pelbagai latar belakang dan tahap penguasaan.

Di bawah konstruk kemahiran guru ini, terdapat satu item yang mencatatkan min paling rendah iaitu item kemahiran menggunakan aplikasi digital seperti Google Classroom dalam pelaksanaan PBD (min=3.67 dan sp=0.67). Item guru memiliki kemahiran setelah mengikuti kursus berkaitan membina instrumen PBD turut mencatat min kedua terendah daripada keseluruhan item (min = 3.83 dan sp = 0.60). Dapatkan ini menggambarkan bahawa masih terdapat guru Pendidikan Islam yang kurang bersedia menggunakan kaedah aplikasi digital seperti Google Classroom semasa melakukan pentaksiran terhadap murid. Justeru, situasi ini menunjukkan guru didapati lebih cenderung menggunakan kaedah dan strategi berbentuk penulisan, lisan dan juga pemerhatian terhadap pelaksanaan PBD ini. Guru juga kurang mahir dalam merancang pembinaan instrumen walaupun memiliki kemahiran, di mana mereka lebih cenderung menggunakan instrumen yang sedia ada daripada bertindak menggubal dan membina instrumen sendiri.

Bil	Pernyataan/ Item	Skala						Interpretasi
		ST S	TS	TP	S	SS	Min	
1.	Saya mahir setelah mengikuti kursus berkaitan membina instrumen PBD bagi peringkat sekolah rendah	- (0.8)	2 (2)	64 (33.)	159 (56.)	25 (7.2)	3.83 (7.2)	0.60 Sederhana Tinggi
2.	Saya mahir untuk menggunakan aplikasi digital seperti <i>Google Classroom</i> bagi melaksanakan	2 (0.8)	5 (2)	84 (6)	141 (4)	18 (4)	3.67 (4)	0.67 Sederhana Tinggi

PBD mata pelajaran
Pendidikan
Islam.

3.	Saya mahir untuk menggunakan kaedah pemerhatian bagi melaksanakan PBD dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.	-	-	20 (8)	196 (78. 4)	34 (13. 6)	4.06	0.46	Tinggi
4.	Saya mahir untuk melaksanakan pentaksiran secara penulisan bagi menilai PBD murid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.	-	1 (0.4)	22 (8.8))	188 (75. 2)	39 (15. 6)	4.06	0.51	Tinggi
5.	Saya mahir untuk menggunakan kaedah lisan bagi melaksanakan PBD dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.	-	-	24 (9.6)	184 (73. 6)	42 (16. 8)	4.07	0.51	Tinggi
Keseluruhan							3.94	0.38	Sederhana Tinggi

Jadual 1 Tahap Kemahiran Guru terhadap Pelaksanaan PBD

*Hanya item yang dibincangkan sahaja dimasukkan dalam penulisan ini.

2. Adakah terdapat perbezaan tahap kemahiran Guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) berdasarkan jantina?

Jadual 2 menunjukkan analisis perbezaan tahap kemahiran guru terhadap amalan pelaksanaan PBD berdasarkan jantina dengan menggunakan Ujian-t. Hasil analisis mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kemahiran guru dalam melaksanakan PBD berdasarkan jantina dengan nilai $t=0.73$, $sig=0.47$ ($p>0.05$). Oleh yang demikian, hipotesis nol gagal ditolak. Dalam erti kata lain, hipotesis nol diterima dan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tahap kemahiran guru pendidikan Islam terhadap amalan pelaksanaan PBD

berdasarkan jantina. Analisis juga turut merekodkan, skor min bagi guru lelaki ($\text{min}=3.97$ dan $\text{sp}=0.38$) adalah lebih tinggi berbanding skor min kemahiran guru perempuan ($\text{min}=3.93$ dan $\text{sp}=0.38$), namun tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Oleh itu, tahap kemahiran guru lelaki dan perempuan adalah sama.

Pemboleh ubah	Jantina	Bilangan	Min	Sisihan Piawai	Nilai- <i>t</i>	Sig (2-tailed)
Kemahiran	Lelaki	47	3.97	0.38	0.73	0.47
	Perempuan	203	3.93	0.38		

Jadual 2 Analisis Ujian-t Kemahiran Guru Terhadap Pelaksanaan PBD berdasarkan Jantina

3. Adakah terdapat perbezaan tahap kemahiran Guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) berdasarkan pengalaman mengajar?

Jadual 3 menunjukkan perbezaan tahap kemahiran guru terhadap amalan pelaksanaan PBD berdasarkan kepada pengalaman mengajar. Dapatan kajian mendapati skor min bagi kesemua lima kumpulan guru berada di antara nilai min 3.80 hingga 3.99. Guru yang memiliki pengalaman mengajar 11 hingga 15 tahun mencatatkan min yang paling tinggi ($\text{min}=3.99$ dan $\text{sp}=0.33$), diikuti oleh guru yang mempunyai pengalaman 21 tahun dan ke atas dengan nilai $\text{min}=3.97$ dan $\text{sig}=0.40$. Nilai min yang paling rendah ialah dalam kalangan guru yang mengajar kurang dari 5 tahun ($\text{min}=3.80$, $\text{sp}=0.52$). Kajian turut mendapati guru yang mempunyai pengalaman mengajar 6 hingga 10 tahun merekodkan nilai min kedua terendah ($\text{min}=3.85$, $\text{sp}=0.46$), diikuti dengan guru yang telah mengajar 16 hingga 20 tahun ($\text{min}=3.96$, $\text{sp}=0.33$).

Pemboleh ubah	Pengalaman Mengajar	N	Min	Sisihan Piawai
Kemahiran	Kurang 5 tahun	9	3.80	0.52
	6 hingga 10 tahun	47	3.85	0.46
	11 hingga 15 tahun	82	3.99	0.33
	16 hingga 20 tahun	58	3.96	0.33
	21 tahun dan ke atas	54	3.97	0.40
	Keseluruhan	250	3.94	0.38

Jadual 3: Perbezaan Tahap Kemahiran Guru Terhadap Pelaksanaan PBD Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Analisis perbezaan yang ditunjukkan dalam jadual 4 bertujuan bagi mengenal pasti perbezaan tahap kemahiran guru terhadap pelaksanaan PBD berdasarkan pengalaman mengajar. Sehubungan itu, kajian mendapati nilai $p=0.003 < 0.05$. Ini membuktikan bahawa H_0 ditolak dan H_a diterima. Justeru, dapatan membuktikan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap

tahap kemahiran guru menerusi amalan pelaksanaan PBD dari aspek pengalaman mengajar dengan nilai F (4, 245) =13.45, sig=0.003 (p>0.05). Oleh yang demikian, kajian ini mendapat hipotesis null ditolak. Situasi ini menunjukkan semakin bertambah pengalaman mengajar guru, maka semakin meningkat tahap kemahiran dan keupayaan guru terhadap amalan PBD murid.

Pemboleh ubah (Kemahiran)	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan, df	Min Kuasa Dua	F	Signifikan
Antara Kumpulan	7.774	4	1.93	13.45	.003
Dalam Kumpulan	35.230	245	.144		
Jumlah	36.004	249			

PERBINCANGAN

Secara keseluruhan, pelaksanaan kajian ini oleh pengkaji adalah untuk mengenal pasti tahap kemahiran guru terhadap pelaksanaan PBD. Selain itu juga, kajian ini dijalankan bagi mengkaji perbezaan tahap kemahiran berdasarkan demografi jantina dan pengalaman mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam.

Tahap Kemahiran Guru Terhadap Amalan Pelaksanaan PBD

Hasil kajian menunjukkan bahawa aspek kemahiran terhadap amalan pelaksanaan PBD dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah, di daerah Seremban mencatatkan nilai min pada tahap sederhana tinggi (min=3.94). Situasi ini membuktikan bahawa guru memiliki kemahiran yang agak tinggi dalam proses merangka dan melaksanakan pelbagai kaedah serta strategi bagi tujuan melaksanakan pentaksiran terhadap murid di dalam kelas. Guru-guru juga didapati bijak merancang penggunaan pelbagai instrumen mengikut tahap penguasaan dan latar belakang murid sama ada melalui kaedah penulisan, pemerhatian mahupun secara lisan. Ini dibuktikan dengan catatan nilai min yang tinggi pada setiap item yang mewakili konstruk kemahiran (Min>4.00). Kajian ini didapati seiring dengan hasil kajian yang telah dilaksanakan oleh Amie dan Ruhizan (2019) yang mendapati, guru-guru memiliki kemahiran pada tahap sederhana dalam melaksanakan pentaksiran menerusi kepelbagaiannya strategi dan kaedah pentaksiran yang dianggap sesuai dengan tahap penguasaan murid. Dapatkan ini turut bertepatan dengan hasil kajian oleh Stiggins (2005) yang mendapati masih wujud ramai dalam kalangan guru yang betul-betul tidak bersedia dalam melaksanakan pentaksiran terhadap penilaian kemajuan dan perkembangan murid disebabkan tidak mempunyai peluang dalam usaha mempelajari dan menguasai kaedah serta teknik yang betul agar amalan terhadap pentaksiran dilihat lebih bersepudu dan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan. Mereka yang memiliki kemahiran pada tahap sederhana juga didapati tidak bersedia dan kurang yakin untuk melakukan pentaksiran terhadap murid semasa sesi PdP dalam bilik darjah (Tan & Azlin, 2020).

Situasi ini membawa kepada pentaksiran yang dilihat seolah-olah wujudnya satu kelompongan yang memerlukan tindakan.

Selain itu, dapatan menerusi kajian ini turut menunjukkan bahawa guru pendidikan Islam memiliki kemahiran pada tahap sederhana tinggi dengan catatan nilai min yang tinggi berbanding item-item yang lain ($\text{min}=3.99$ dan $\text{sp}=0.56$) terhadap item; bertindak merekod dan menganalisis secara sistematik tahap penguasaan murid terhadap isi kandungan pelajaran. Usaha ini termasuk kemahiran memastikan rekod murid dapat diakses pada bila-bila masa dan dalam masa yang sama dikemaskini dengan baik bagi memudahkan pengesahan dilakukan terhadap murid yang tidak menguasai sepenuhnya objektif yang dirancang oleh guru. Guru juga perlu ‘bijak’ melapor mengikut tahap penguasaan murid yang pelbagai sama ada memerlukan tindakan susulan dan pelaporan. Justeru, dapatan ini didapati selari dengan kajian oleh Sh. Hauzimah (2019) yang mendapati bahawa guru semestinya berusaha memiliki kemahiran yang tinggi bagi memastikan pelaksanaan petaksiran yang lebih konsisten dapat diaplikasikan terhadap murid dalam bilik darjah. Oleh itu, guru pendidikan Islam yang memiliki kemahiran yang tinggi sudah tentu akan dapat melaksanakan proses pentaksiran murid dengan bersepadu dan terancang.

Perbezaan Tahap Kemahiran Guru Berdasarkan Demografi

Kajian yang dilaksanakan ini juga bertujuan untuk mengkaji tahap kemahiran guru terhadap pelaksanaan PBD berdasarkan kepada demografi jantina dan pengalaman mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam. Hasil analisis kajian menerusi Ujian-t mendapati, tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kesediaan guru berdasarkan jantina. Walau bagaimana pun, menerusi Ujian ANOVA Satu Hala, kajian mendapati terdapat hubungan yang ketara dan jelas dari aspek kemahiran guru berdasarkan pengalaman mengajar. Situasi ini menggambarkan semakin banyak pengalaman guru, semakin meningkat tahap kesediaan mereka dalam melaksanakan PBD.

Merujuk kepada demografi guru, pengkaji mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kemahiran guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan PBD berdasarkan jantina lelaki dan perempuan. Hal yang demikian menggambarkan bahawa, tahap kesediaan guru Pendidikan Islam lelaki dan perempuan sekolah rendah, di daerah Seremban adalah sama. Dapatan yang diperolehi ini didapati seiring dengan kajian oleh Anniliza Binti Mohd Isa et al., (2020) menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang ketara autonomi guru terhadap pelaksanaan PBD berdasarkan jantina. Dapatan yang sama turut ditemui melalui kajian oleh Adibah (2019) yang mendapati tidak terdapat perbezaan yang jelas terhadap kemahiran seseorang guru bagi mata pelajaran Bahasa Melayu mengenai kaedah PBM berdasarkan jantina. Kajian oleh Norpizah (2019) turut seiring dengan dapatan ini.

Aspek kedua yang turut dikaji oleh pengkaji menerusi kajian ini ialah perbezaan tahap kemahiran guru berdasarkan pengalaman mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam. Hasil analisis ANOVA sehalia bagi umur mendapati skor min bagi kesemua lima kumpulan guru berada di antara nilai min 3.80 hingga 3.99. Analisis Varians Sehala Tahap Kemahiran Guru

mendapati nilai $p=0.03 < 0.05$. Ini membuktikan bahawa hipotesis alternatif diterima. Justeru, disimpulkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kemahiran guru dalam pelaksanaan PBD dari aspek pengalaman mengajar dengan nilai $F(4, 245) = 13.45$, $\text{sig}=0.003$ ($p>0.05$). Oleh yang demikian, kajian ini mendapati hipotesis null ditolak. Hasil kajian Jia Yuh & Husaina Banu Kenayathulla (2020) didapati seiring dengan dapatan ini. Kajian ini mengakui wujudnya hubungan yang jelas antara pengalaman mengajar guru dengan kemahiran terhadap amalan pentaksiran semasa PdP pranumerasi dalam kalangan guru tadika. Justeru, situasi ini jelas menunjukkan bahawa, apabila guru memiliki pengalaman mengajar dalam tempoh yang lama dan bertugas untuk tempoh yang panjang, maka sudah tentu memberikan impak yang ketara terhadap apa jua pelaksanaan tugas walaupun guru tersebut tidak memiliki kelayakan akademik yang tinggi. Kajian oleh Kaviza et.al (2018) juga menunjukkan tahap kesediaan guru adalah berbeza berdasarkan pengalaman mengajar terhadap pelaksanaan kaedah PdP. Kajian oleh Noh & Abu Bakar (2020) turut mendapati terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kompetensi guru berdasarkan pengalaman mengajar.

RUMUSAN

Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati tahap kemahiran guru Pendidikan Islam berada pada tahap sederhana tinggi. Justeru, guru-guru dicadangkan agar sentiasa berusaha meningkatkan kemahiran menerusi kursus-kursus yang dianjurkan sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui penglibatan yang berterusan dalam usaha memastikan kemahiran dalam mentaksir terus ditambahbaik dan dipertingkatkan demi memastikan pentaksiran yang bersepadu dapat diimplementasikan terhadap murid dalam bilik darjah. Dalam hal ini, pengkaji melihat bahawa guru perlu menitikberatkan dan menguasai kursus pengajaran masing-masing. Selain itu, kemahiran pedagogi yang melibatkan strategi, kaedah dan perancangan pengajaran juga sangat penting agar pentaksiran yang lebih holistik terhadap murid dapat dilaksanakan. Justeru, konstruk kemahiran guru dilihat sebagai satu agenda utama adalah kerana guru merupakan pelaksana utama setiap dasar dan hasrat KPM. Oleh itu dalam usaha memastikan kejayaan terhadap pelaksanaan pentaksiran oleh guru, maka tugas guru sebagai tunjang utama sudah tentu memerlukan guru untuk memiliki dan menguasai kemahiran agar bijak merancang dan bertindak supaya hasrat melahirkan murid yang berkualiti, seimbang, berdaya saing dan mampu menerajui dunia suatu hari nanti tercapai.

RUJUKAN\

- Adibah Rashid. 2019. Tahap pengetahuan dan kemahiran pelaksanaan dalam mempengaruhi sikap guru Bahasa Melayu tentang kaedah pembelajaran berasaskan masalah. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad & Mahamod 2016. Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah dalam Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Berdasarkan Jantina, Opsyen dan Tempat Mengajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 5(1): 18-29.

- Ali, R.M., & Veloo, A. 2017. Teachers' autonomy and accountability in assessing Students' physical education in school-based assessment. In I. H. Amzat & N. P. Valdez (Eds.), *Teacher development and towards professional empowerment practices perspectives cross borders* (p. 71). Springer.
- Aniza Ahmad. 2014. Pengetahuan, kefahaman dan kemahiran guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) di sekolah menengah. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anniliza Mohd Isa, M. Al-Amin, G. K. A. Abdul, and F. W. M. R. Wan. 2020. Tranformasi Pendidikan Tahap 1: Peperiksaan ke Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Kesan Terhadap Autonomi Guru, Isu dan Cabaran dalam Pendidik. *Strateg. Dan Inov* no hal, 218–231.
- Arsaythamby Veloo, Hariharan N. Krishnasamy & Ruzlan Md-Ali. 2015. Teachers' Knowledge and Readiness towards Implementation of School Based Assessment in Secondary Schools. *International Education Studies* 8(11): 193-203.
- Artika Rasul dan Hasmadi Hassan. 2019. Persepsi Guru Pendidikan Islam Dalam Pentaksiran Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Sekolah Rendah. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* 2(7).
- Ary, D, Jacobs, L. C & Razaveih, A..2002. *Introducing to Research in Education. 6th Edition*.Australia: Wadsworth Thomson Learning.
- Biesta, G. 2015. What is education for? On Good education, teacher judgement, and educational professionalism *Europea Journal of Education*.
- Chua Yan Piaw. 2006. Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan (Buku 1). t.pt.: t.pt.
- Amie Doris Dorin & Ruhizan Mohammad Yasin. 2019. Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). *Proceedings of International Conference of Future Education and Advances*, 259(2), hal. 8-15.
- Fakhri Abdul Khalil & Mohd Isha Awang. 2016. Isu Kesediaan Guru dalam Amalan Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. *Educ. Soc. Sci* 2: 1–7.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. 2018. *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Haegele, J. A. & Hodge, S. R. 2015. Quantitative Methodology: A Guide for Emerging Physical Education and Adapted Physical Education Researchers. *Physical Educator* 72(5): 59-75.
- Halimah Abd Halim, Mohd Isa Hamzah & Hafizhah Zulkifli. 2021. Kurikulu, Pengajaran dan Pentaksiran Dari Perspektif Pelaksanaan PBD Pendidikan Islam KSSM: Satu Sorotan, *eProsiding Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-12*.
- Halimah Jamil & Rozita Radhiah Said. 2019. Pelaksanaan Penskoran Pentaksiran Lisan Bahasa Melayu dalam Pentaksiran Bilik Darjah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 9(2): 25-36.
- Hashimah Md Yusof. 2019. *Hubungan personaliti, personaliti pro aktif dan kraf kerja terhadap pemupukan kreativiti dalam pengajaran guru pendidikan Islam sekolah rendah di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Julian@Juliana George Jette & Mohd Izham Mohd Hamzah. 2020. Hubungan Kemenjadian Murid Dalam Proses Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) Guru: Penilaian Pentadbir Sekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan* 2(1): 171-179.
- Kalai Selvan, A. 2020. Kurikulum, Pengajaran dan Pentaksiran Dari Perspektif Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. *Asian People Journal* 3(1): 152-161.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2011. Guru cemerlang pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia:satu kajian kes. Tesis Ph. D, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia. Bilangan 14/2018. Pemansuhan Amalan Peperiksaan Pertengahan dan Akhir Tahun Murid Tahap 1 Sekolah Rendah Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Tahun 2019. Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2019. Laporan tahunan 2019. Laporan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2022. Garis Panduan Pentadbiran Ujian Akhir Sesi Akademik<http://lp.moe.gov.my/index.php/pbs/ujian-akhir-sesi-akademik/garis-panduan-uasa/1186-garis-panduan-pentadbiran-ujian-akhir-sesi-akademik>.
- M. Kaviza, Fauziah Abdul Rahim & Nurliyana Bukhari. 2018. Tahap Kesediaan guruguru sejarah dalam melaksanakan kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan sumber sejarah: satu tinjauan di negeri Perlis. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik* 6(2).
- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Maizura Komari & Norazimah Zakaria. 2020. Kesediaan Guru Pendidikan Islam dalam Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke21. *International Journal of Education and Pedagogy* 2(2): 9-17.
- Minduru. 2021. Sumbangan Pengetahuan Dan Kemahiran Guru Sekolah Rendah Terhadap Amalan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Di Kota Kinabalu, Universiti Malaysia Sabah. *Jurnal Kesidang, Kesidang Journal Volume* 6(2021): 107-119.
- Mohd Faiz Mohd Baharan. 2022. Hubungan Penguasaan Ilmu Pengetahuan Dengan Kaedah Pengajaran Guru, Personaliti Guru, Motivasi Kendiri Dan Persekutaran Kerja Guru Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Negeri Selangor. *eProsiding Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-12. 14-15 Mac 2022.*
- Mohd Majid Konting. 2005. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mohd Noh Abd Manap dan Abu Bakar Mohd Sheikh. 2020. Kompetensi Pengurusan Amalan Penaksiran Bilik Darjah dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Agama Integrasi Negeri Selangor. *e-Proceeding – Malaysia International Convention on Education Research &*

Management (MICER) 14-16 Mac 2020. Bangi Resort Hotel, BandarBaru Bangi, Malaysia.

- Mohd Safarin Nordin & Nur Hidayah Ismail. 2014. Kesediaan Guru Terhadap Perlaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah bagi Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu. *International Seminar on Technical and Vocational Education 2014 (TVEIS 2014)*
- Noor Shamshinar Zakaria, Nor Azhan Norul ‘Azmi & Harun Baharudin. 2019. Kemahiran Komunikasi Bukan Lisan: Satu Kajian Terhadap Guru Pelatih Bukan Opsyen Dalam Pengajaran Bahasa Arab. Attarbawiy: *Malaysian Online Journal of Education* 1–10.
- Norpizah Hashim. 2019. Tahap kesediaan dan halangan melaksanakan pengajaran STEM dalam kalangan guru Sains. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nunally, J. C. 1978. *Psycometric Theory*. New York: Mc Graw Hill Book Company.
- Nur Hanani Hussin & Ab Halim Tamuri. 2019. Embedding values in teaching Islamic Education among excellent teachers. *Journal for Multicultural Education* 13(1): 1-17.
- Osman, K. & Mohd Saat, R. 2014. Science technology, engineering, and mathematics (STEM) education in Malaysia. *Journal of Mathematics, Science Technology Education*, 10 (3), 153- 154.
- Robson, C. 2011. *Real World Research- A resource for user of social research methods in applies settings. (3rd ed.)* New York: John Wiley & Sons Inc.
- Rosnani Hashim, Muhammad Zahiri Awang Mat, Adnan Abd Rashid, Ainol Madziah Zubairi, & Mohd Farid Mohd Shahran. 2022. Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Menengah bagi Menghadapi Cabaran Pendidikan Abad Ke-21 dari Perspektif Guru. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 47(1): 65-79.
- Rosnani, H., Mohd Sahari, N., Nik Ahmad Hisham, I., Ainol Madziah, Z., Rosemaliza, M.K., Joharry, O., Zainurin, A.R. & Mohd Burhan, I. 2013. Laporan Kajian Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Sekolah Rendah dan Menengah Terpilih. Dibentang dalam Mesyuarat Kluster
- Sajjad Hussain, Nasir Shaheen, Nasir Ahmad dan Saif UI Islam. 2019. Teachers' Classroom Assessment Practices: Challenges and Opportunities to Classroom Teachers in Pakistan. *Research Gate*, 87-97.
- Salkind N J. 2009. Exploring Research (7th Edition). New Jersey: Prentice Hall Incorporation.
- Salleh Abd. Rashid. 2003. *Pemikiran Profesional Keguruan Terhadap Kurikulum dan Pengajaran. School of Social Education and Development*. Universiti Malaysia Sabah.
- Salwa Awang @ Mohd Ramli. 2016. Kesediaan dan Keperihatinan Guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Senin Khamis & Asri Selamat. 2019. The Use of Feedback in the Classroom Assessment: A Case Study. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development* 8(3): 325-334.

- Sh. Siti Hauzimah Wan Omar. 2019. Pengetahuan, Kemahiran, Sikap dan Masalah Guru dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Bahasa Melayu di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu- JPBM* 9(1): 56–67.
- Siti Nor Aisah Moktar, Zaliza Hanapi, Tee, T.K., Suriani Mohamed & Ridzwan Che Rus. 2018. Kesediaan, Penerimaan Dan Pengoperasian Guru Reka Bentuk dan Teknologi Terhadap Amalan dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah. *Sains Humanika* 10(3-3): 89-94.
- Siti Nor Aishah. 2019. Kesediaan, Penerimaan dan Pengoperasian Guru Reka Bentuk dan Teknologi Terhadap Amalan dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Perak. Evaluation of The Implementation of Classroom Assessment (PBD) Among Primary School Mathematics Teachers
- Stiggins, R.J.. 2005. From Formative Assessment to Assessment for Learning: A Path to Success in Standard-based School. *Phi Delta Kappan* 87(4): 324-328.
- Tan Jia Yuh and Husaina Banu Kenayathulla. 2020. Pentaksiran Bilik Darjah Dan Prestasi Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Hulu Langat, Selangor. *J. Kep. Pendidik* 1(3): 70–90.
- Tan Swee Kin dan Azlin Noorhaini Mansor 2020. Cabaran Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di SJKC Negeri Perak. *Proceedings of The International Conference of Future Education and Advance 2020*.
- Tuckman B. W. 1994. *Conducting Educational Research. 4th Edition*. New York: Harcourt Brace Javanovich.
- Varathanraj, R., Abdullah, A.G.K., & Ismail, A. 2015. The Effect of Teacher Autonomy on Assessment Practices Among Malaysian Cluster School Teachers. *International Journal of Asian Social Science* 5(1): 31–36.
- Zamri Mahamod, Nasyimah Ismail & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2016. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pembelajaran Komponen Sastera Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Proceeding 7th International Seminar on Regional Education,2015(November)*, hal. 110.